

12 JAN 1999

Annuar-Kemas

DATUK KAMALUL ARIFFIN KETUA PENGARAH KEMAS YANG BARU

BUTTERWORTH, 12 Jan (Bernama) -- Bekas Ketua Pengarah BERNAS, Datuk Kamalul Ariffin Abdul Rahim, 55, dilantik sebagai Ketua Pengarah Kemas yang baru menggantikan Zainal Karib Abdul Rahim berkuatkuasa Isnin lepas.

Pelantikan Kamalul, yang juga bekas Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), secara kontrak untuk tempoh dua tahun itu telah dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa ketika mengumumkan pelantikan itu berkata, Zainal, 49 yang telah berkhidmat dengan Kemas selama hampir empat tahun, kini bertukar ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Annuar berkata demikian kepada pemberita selepas mengunjungi keluarga allahyarham C/Insp Adli Aminuddin Haji Ariffin yang meninggal dunia lima tahun lepas akibat sakit jantung di sini. Adli ialah teman sekelas Annuar ketika kedua-dua mereka menuntut di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) Ipoh

Beliau berharap Kamalul dapat menumpukan perhatian kepada usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memperluaskan ruang lingkup Kemas mulai tahun ini walaupun Kemas tidak akan menambah bilangan kakitangannya.

"Kita hanya akan isi jawatan sedia ada iaitu 167 jawatan Penyelia Kemas dan proses pengambilan sedang berjalan mulai bulan ini. Saya minta Kemas memfokuskan perhatian kepada usaha menyusun aktivitinya agar liputannya lebih meluas," katanya.

Beliau berkata, satu daripada pendekatan baru yang telah diputuskan ialah melatih semula penyelia-penyelia Kemas untuk menjadi pengurus program berbanding sebelum ini sebagai pelaksana program.

Annuar berkata, terdapat 14,000 kakitangan Kemas di seluruh negara dan 8,000 daripadanya merupakan kakitangan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) dan hanya 6,000 sahaja kakitangan untuk aktiviti lain.

Beliau juga menyatakan rasa puas hatinya terhadap prestasi Kemas sepanjang tempoh empat tahun lalu yang telah berjaya menyusun semula organisasi itu, menyelaraskan skim gaji kakitangan menurut Skim Saraan Baru (SSB) serta memperkenalkan kurikulum Nuri untuk TBKnya.

Terdahulu itu, Annuar menghabiskan masa kira-kira sejam untuk bertanya khabar balu rakannya, Nurlailee Lee Abdullah, 38, dan anak perempuannya, Nur adliana Juita, 15, serta menyampaikan sumbangan rakan-rakan bekas pelajar STAR kepada keluarga itu.

-- BERNAMA

ZU PR